



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD

(Company No. 902884-V)



(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

Kerajaan Malaysia telah melantik Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) sebagai pemaju projek dan pemilik aset yang akan melaksanakan dan menyiapkan sepenuhnya satu sistem rel metro yang dikenali sebagai **Projek Mass Rapid Transit Laluan 3: Laluan Lingkaran (MRT3)**.

Laluan Lingkaran (MRT3) adalah laluan terakhir yang amat penting untuk melengkapkan jaringan rel perbandaran (*urban rail network*) bagi Kuala Lumpur. Jajarannya bakal melingkari pinggiran bandaraya Kuala Lumpur dan akan berhubung dengan laluan-laluan MRT, LRT, KTM dan Monorel yang sedia ada di 10 stesen pertukaran. Apabila siap kelak, rangkaian transit ini akan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam di Kuala Lumpur.

MRT Corp. mempelawa bakal Petender untuk mengambil bahagian dalam tender bagi pakej kerja yang dinyatakan di dalam jadual di bawah.

| TAJUK TENDER DAN NOMBOR TENDER | SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN | SYARAT-SYARAT TENDER | HARGA DOKUMEN TENDER | TAKLIMAT TENDER (MANDATORI) |
|---|---|--|--|--|
| PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 3: LALUAN LINGKARAN (MRT3) PACKAGE CMC301: DESIGN, CONSTRUCTION AND COMPLETION OF VIADUCT GUIDEWAY, ELEVATED STATIONS, DEPOT AND OTHER ASSOCIATED WORKS FROM PANDAN TO JALAN CHERAS TENDER NO.: CCL-MRTC-CMC301-OVPR-TEN-000002 | Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada CIDB CIDB Gred : G7 Kategori: CE07 | i. Terbuka kepada Kontraktor tempatan sahaja. ii. Penyertaan Kontraktor Bumiputera adalah diwajibkan. Bilangan Kontraktor yang menyertai Usahasama/Konsortium mestilah sekurang-kurangnya 50% daripada rakan Usahasama/Konsortium. Kontraktor Bumiputera mestilah mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). iii. Pegangan saham efektif Bumiputera 'Ultimate Beneficial Owners' hendaklah sekurang-kurangnya 31%. | RM20,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Puluh Ribu Sahaja) dalam bentuk Deraf Bank/Banker's Cheque pembayaran kepada:- Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) | Tarikh : Rabu, 8 Jun 2022 Masa : 9.30 pagi Via : Platform Zoom (Atas Talian) Semua Petender dikehendaki membuat pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:- 1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my 2. https://forms.gle/JEQrQxxtFzVoQh7c8 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.  Pendaftaran bermula pada Jumaat, 27 Mei 2022 . Petender yang telah mendaftar akan menerima Zoom ID dan pautan melalui e-mel untuk menyertai Taklimat Tender secara dalam talian. |
| PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 3: LALUAN LINGKARAN (MRT3) PACKAGE CMC302: DESIGN, CONSTRUCTION AND COMPLETION OF VIADUCT GUIDEWAY, TUNNELS, STATIONS, DEPOT, ANCILLARY STRUCTURES AND OTHER ASSOCIATED WORKS FROM: 1. JALAN CHERAS TO PANTAI DALAM; AND 2. JALAN KUCHING TO PANDAN TENDER NO.: CCL-MRTC-CMC302-OVPR-TEN-000003 | Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada CIDB CIDB Gred : G7 Kategori: CE07 | i. Terbuka kepada Kontraktor tempatan sahaja. ii. Penyertaan Kontraktor Bumiputera adalah diwajibkan. Bilangan Kontraktor yang menyertai Usahasama/Konsortium mestilah sekurang-kurangnya 50% daripada rakan Usahasama/Konsortium. Kontraktor Bumiputera mestilah mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). iii. Pegangan saham efektif Bumiputera 'Ultimate Beneficial Owners' hendaklah sekurang-kurangnya 31%. | RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu Sahaja) dalam bentuk Deraf Bank/Banker's Cheque pembayaran kepada:- Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) | Tarikh : Jumaat, 10 Jun 2022 Masa : 9.30 pagi Via : Platform Zoom (Atas Talian) Semua Petender dikehendaki membuat pendaftaran secara atas talian menerusi salah satu pautan di bawah:- 1. Laman Web MRT Corp www.mymrt.com.my 2. https://forms.gle/LBE9DcEjivN2nKf8A 3. Mengimbas Kod QR yang disediakan.  Pendaftaran bermula pada Jumaat, 27 Mei 2022 . Petender yang telah mendaftar akan menerima Zoom ID dan pautan melalui e-mel untuk menyertai Taklimat Tender secara dalam talian. |
| PROJEK MASS RAPID TRANSIT LALUAN 3: LALUAN LINGKARAN (MRT3) PACKAGE CMC303: DESIGN, CONSTRUCTION AND COMPLETION OF VIADUCT GUIDEWAY, TUNNELS, STATIONS, ANCILLARY STRUCTURES AND OTHER ASSOCIATED WORKS FROM PANTAI DALAM TO JALAN KUCHING TENDER NO.: CCL-MRTC-CMC303-OVPR-TEN-000004 | a) Kontraktor Tempatan Memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) daripada CIDB CIDB Gred : G7 Kategori: CE05, CE07 b) Kontraktor Asing Kontraktor asing perlu menyediakan Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan. | i. Terbuka kepada Kontraktor tempatan. Penyertaan kontraktor asing adalah dibenarkan dengan membentuk Usahasama/Konsortium bersama Kontraktor tempatan. ii. Ekuiti penyertaan kontraktor asing tidak melebihi 49% dalam syarikat Usahasama/Konsortium. iii. Penyertaan Kontraktor Bumiputera adalah diwajibkan. Bilangan Kontraktor yang menyertai Usahasama/Konsortium mestilah sekurang-kurangnya 33% daripada rakan Usahasama/Konsortium. Kontraktor Bumiputera mestilah mempunyai Sijil Taraf Bumiputera (STB) yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK). iv. Pegangan saham efektif Bumiputera 'Ultimate Beneficial Owners' hendaklah sekurang-kurangnya 20%. | RM50,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Ribu Sahaja) dalam bentuk Deraf Bank/Banker's Cheque pembayaran kepada:- Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) | Pendaftaran bermula pada Jumaat, 27 Mei 2022 . Petender yang telah mendaftar akan menerima Zoom ID dan pautan melalui e-mel untuk menyertai Taklimat Tender secara dalam talian. |

KRITERIA MANDATORI

| TENDER | KEPERLUAN KEUPAYAAN TEKNIKAL | KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN | KEPERLUAN CADANGAN PEMBIAYAAN |
|---------------|--|---|--|
| CMC301 | Petender telah dilantik dan berjaya menyiapkan projek yang dinyatakan seperti di bawah dalam tempoh 15 tahun yang lalu. Bagi Usahasama/Konsortium, rekod pengalaman bagi setiap ahli Usahasama/Konsortium akan diambil kira secara agregat. i. Projek-projek infrastruktur keretapi dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM500 juta; dan ii. Sekurang-kurangnya dua (2) stesen transit keretapi laluan bertingkat (<i>elevated</i>) serta jejambatan (<i>viaducts</i>) sepanjang 2km dalam satu (1) projek; dan iii. Sekurang-kurangnya satu (1) depoh keretapi dengan fasiliti penyelenggaraan berat. | i. Dana Pemegang Saham (berdasarkan tahun kewangan terkini) mestilah tidak kurang daripada:- • CMC301 – RM100 juta • CMC302 – RM250 juta • CMC303 – RM300 juta ii. EBITDA terkumpul sepanjang 5 tahun sebelumnya mestilah positif . Nota: *Bagi penyertaan secara Usahasama/Konsortium, penilaian keupayaan kewangan adalah berdasarkan purata ekuiti dalam Usahasama/Konsortium. | Cadangan pembiayaan yang dikemukakan hendaklah termasuk perkara berikut: i. Petender perlu membiayai 2 tahun pertama kerja pembinaan yang bernilai sekurang-kurangnya 10% daripada nilai kontrak; ii. Tempoh minimum Moratorium selama 2 tahun; iii. Pembiayaan kewangan hendaklah di dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja. |
| CMC302 | Petender telah dilantik dan berjaya menyiapkan projek yang dinyatakan seperti di bawah dalam tempoh 15 tahun yang lalu. Bagi Usahasama/Konsortium, rekod pengalaman bagi setiap ahli Usahasama/Konsortium akan diambil kira secara agregat. i. Projek-projek infrastruktur keretapi dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM2 bilion; dan ii. Sekurang-kurangnya tiga (3) projek <i>urban tunnelling</i> menggunakan <i>Slurry/Mixed Shield</i> atau <i>Multimode</i> atau <i>Earth Pressure Balance (EPB) Tunnel Boring Machines (TBM)</i> (Mesin Penggerudi Terowong Bergerak) melebihi 6m diameter di dalam batuan dan <i>mixed face conditions</i> dengan panjang minimum 1.5km (<i>twin bored</i>); dan iii. Sekurang-kurangnya enam (6) stesen transit keretapi laluan bertingkat (<i>elevated</i>) serta jejambatan (<i>viaducts</i>) sepanjang 8km; dan iv. Sekurang-kurangnya satu (1) depoh keretapi dengan fasiliti penyelenggaraan berat. | | |
| CMC303 | Petender telah dilantik dan berjaya menyiapkan projek yang dinyatakan seperti di bawah dalam tempoh 15 tahun yang lalu. Bagi Usahasama/Konsortium, rekod pengalaman bagi setiap ahli Usahasama/Konsortium akan diambil kira secara agregat. i. Projek-projek infrastruktur keretapi dengan nilai kontrak sekurang-kurangnya RM3 bilion; dan ii. Sekurang-kurangnya tiga (3) projek <i>urban tunnelling</i> menggunakan <i>Slurry/Mixed Shield</i> atau <i>Multimode</i> dan <i>Earth Pressure Balance (EPB) Tunnel Boring Machines (TBM)</i> (Mesin Penggerudi Terowong Bergerak) melebihi 6m diameter di dalam batuan dan <i>mixed face conditions</i> termasuk sekurang-kurangnya satu (1) projek terowong dengan panjang minimum 3km (<i>twin bored</i>); dan iii. Sekurang-kurangnya tiga (3) stesen transit keretapi bawah tanah dalam satu (1) projek; dan iv. Sekurang-kurangnya enam (6) stesen transit keretapi laluan bertingkat (<i>elevated</i>) serta jejambatan (<i>viaducts</i>) sepanjang 8km (<i>viaducts</i>). | | |

Hanya petender yang telah menghadiri Taklimat Tender Mandatori akan dibenarkan untuk meneliti dan membeli Dokumen Tender. Dokumen Tender boleh dibeli (**secara temujanji sahaja**) mulai **8 Jun 2022 sehingga 21 Jun 2022 untuk CMC301** dan mulai **10 Jun 2022 sehingga 23 Jun 2022 untuk CMC302 & CMC303** di pejabat seperti yang tertera di bawah:

| TEMPAT JUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN | WAKTU OPERASI KAUNTER TENDER |
|--|---|
| MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia | Isnin hingga Khamis : 9:00 pagi – 12:30 tengah hari dan 2:00 petang – 5:00 petang Jumaat : 9:00 pagi – 12:00 tengah hari dan 3:00 petang – 5:00 petang |

Tarikh serahan tender bagi Tender CMC301 adalah pada **Selasa, 30 Ogos 2022** dan bagi Tender CMC302 dan CMC303 adalah pada **Selasa, 2 Ogos 2022**. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah diserahkan **tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari**. Sebarang kelewatan di dalam penyerahan tender dokumen tidak akan diterima.

Nota:

- Petender dibenarkan untuk membentuk satu Usahasama/Konsortium dengan dianggotai tidak lebih daripada **tiga (3) buah syarikat**.
- Petender dibenarkan menyerahkan hanya satu (1) tender sahaja untuk setiap pakej di atas, sama ada sebagai sebuah entiti tunggal atau Usahasama/Konsortium. Petender yang didapati telah mengambil bahagian lebih daripada satu (1) tender bagi setiap pakej di atas akan dibatalkan keseluruhan penyertaannya secara automatik.
- Penyertaan Syarikat Usahasama/Konsortium hendaklah disertakan dengan Perjanjian Usahasama/Konsortium dan perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, penyertaan ekuiti bagi setiap Syarikat Usahasama/Konsortium dan hendaklah mempunyai klausa yang menyatakan bahawa semua ahli Syarikat Usahasama/Konsortium adalah bertanggungjawab secara bersama (*Jointly and Severally Liable*) bagi Syarikat Usahasama/Konsortium tersebut.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan e-mel kepada procurement.cmc1@mymrt.com.my untuk **CMC301**, procurement.cmc2@mymrt.com.my untuk **CMC302** dan procurement.cmc3@mymrt.com.my untuk **CMC303**. Untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp. bolehlah melayari di laman web di alamat www.mymrt.com.my.